

FAKTOR PENYUSUAN ANAK ORANG LAIN & AMALAN PENDOKUMENTASIAN DALAM MASYARAKAT KELANTAN: SATU KAJIAN KES

Rafidah Abdul Rahman¹, Najah Nadiyah Amran² & Latifah Abdul Majid³

Pusat Kajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

p103804@siswa.ukm.edu.my¹, najah@ukm.edu.my² & umilm@ukm.edu.my³

ABSTRACT

Wet nursing is a practice that is not unfamiliar in Malaysian society due to various factors that drive it such as sympathy and good intention in helping mothers who are unable to breastfeed due to health problems. Recording evidence of breastfeeding is the main thing to consider when a mother breastfeeds someone else's child. This study was conducted to examine the factors that drive wet nursing as well as to identify the practice of documenting breastfeeding children among the Muslim community in Kelantan. This qualitative study employed a case study design through the method of in-depth interviews. Based on the results of the study conducted, there are eleven external factors and five internal factors that are found to drive the practice of breastfeeding other people's children, including the two main factors of the birth mothers not being able to breastfeed and the feeling of sympathy. Furthermore, the findings of the study also discovered that the respondents have implemented the practice of documentation using five methods, which are documented written evidences, storing pictures, oral evidences, maintain relationship such as always keeping in touch and some of them keep the information in the memory i.e., without making any written or documented notes. Thus, this study provides a clear picture to the authorities, especially in the state of Kelantan on the situation of wet nursing practice in this state. The study suggests that a coordination effort be implemented to collect official data on families involved in wet nursing practice for the general good of the Muslim community that is to preserve of the lineage of the Muslim family.

Keywords: Wet Nursing, Factor, Practice of Documentation, Kelantanese Community.

ABSTRAK

Penyusuan anak orang lain adalah suatu amalan yang tidak asing lagi di dalam masyarakat Malaysia disebabkan pelbagai faktor yang mendorongnya seperti bersimpati dan ingin membantu ibu kandung yang tidak mampu menyusukan bayi kerana mengalami masalah kesihatan. Merekodkan bukti penyusuan pula adalah perkara utama yang perlu diambil perhatian apabila seseorang ibu menyusukan anak orang lain. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mendorong penyusuan anak orang lain serta mengenalpasti amalan pendokumentasian anak susuan di kalangan masyarakat Islam di Kelantan. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes melalui kaedah temu bual mendalam. Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan terdapat sebelas faktor luaran dan lima faktor dalaman yang mendorong penyusuan anak orang lain termasuk faktor utama ibu tidak mampu memberi susu dan simpati. Seterusnya, dapatan kajian juga mendapati para responden telah melaksanakan amalan pendokumentasian dengan lima kaedah iaitu mencatat dan menyimpan dokumen, menyimpan gambar, penyampaian secara lisan, sentiasa berhubung serta sekadar mengingati tanpa membuat sebarang catatan. Justeru, kajian ini memberi suatu gambaran yang jelas kepada pihak berwajib terutamanya di negeri Kelantan mengenai situasi penyusuan anak orang lain yang berlaku di negeri ini. Kajian mencadangkan agar

satu usaha penyelarasan dilaksanakan bagi mengumpulkan data rasmi keluarga susuan kerana perkara ini melibatkan masalah umum masyarakat Islam iaitu penjagaan nasab keluarga Islam.

Kata Kunci: Penyusuan anak orang lain, faktor, amalan pendokumentasian, masyarakat Kelantan.

PENDAHULUAN

Amalan penyusuan anak orang lain telah lama diamalkan. Bahkan, setelah kedatangan Islam, syariat meraikan amalan ini dengan mengharuskannya. Susu ibu menjadi makanan terbaik untuk bayi kerana ia mengandungi kesemua nutrien yang diperlukan untuk proses perkembangan dan tumbesaran otak bayi, mudah hadam dan susu ibu sentiasa tersedia pada suhu yang tetap. Disamping itu, bayi yang menyusu susu ibu sepenuhnya dari lahir sehingga usia 6 bulan yang pertama mempunyai tumbesaran yang baik dan sihat berbanding bayi yang tidak diberi susu ibu (Rohani Abdul Karim 2015). World Health Organization (WHO) juga telah mengesyorkan hierarki dalam pemilihan pemakanan untuk bayi di bawah enam bulan adalah bermula daripada penyusuan susu ibu secara langsung, kemudian susu ibu yang diperah dan diberikan kepada bayi melalui bantuan peralatan penyusuan, susu ibu yang diperolehi daripada ibu lain kemudian susu formula atau susu buatan (Nor Kamariah 2012). Oleh itu, pengambilan ibu susuan sudah menjadi satu keperluan demi menjamin kesihatan bayi yang kurang bernasib baik.

Penyusuan anak orang lain menyebabkan terjadinya hubungan mahram antara ibu dan bayi sekiranya memenuhi syarat-syarat yang telah digariskan oleh syarak. Walaupun begitu, terdapat segelintir dalam kalangan masyarakat yang masih tidak memahami konsep penyusuan anak orang lain menurut Islam. Penyusuan perlu direkodkan sebagai pembuktian seseorang ibu menyusukan anak orang lain. Di samping itu juga, wujud pelbagai faktor penyusuan anak orang lain dalam masyarakat. Namun, berlaku ketidakteraturan dalam mendokumentasikan maklumat susuan tersebut. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk menjelaskan apakah faktor yang mendorong penyusuan anak orang lain dalam kalangan masyarakat Islam di Kelantan dan bagaimanakah amalan pendokumentasian anak susuan dalam kalangan masyarakat di Kelantan.

KONSEP PENYUSUAN ANAK ORANG LAIN MENURUT SYARAK

Penyusuan dalam bahasa arab adalah *ridha' atau radha'* yang bermaksud menghisap payudara ibu dan minum susunya (Al-Ghazi 2005). Perempuan yang menyusukan anak dikenali sebagai *al-murdi'ah*, manakala anak yang disusui pula disebut *al-radi'* (Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah 1992). Adapun dari sudut istilah, pandangan yang dikemukakan oleh Abd al- Rahman al-Jaziri (2003) iaitu penyusuan adalah sampainya susu manusia ke rongga anak yang usianya tidak melebihi dua tahun. Menurut Virginia (2009), penyusuan anak orang lain adalah bentuk penyusuan susu ibu yang diberikan oleh orang lain selain ibu kandung bayi. Anak susuan pula bermaksud penyusuan bayi dengan perempuan yang bukan ibu kandungnya sekurang-kurangnya sebanyak lima kali yang mengenyangkan dalam masa umurnya dua tahun ke (Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984, Wilayah Persekutuan 1984).

Penyusuan susu ibu mempunyai asas di dalam agama Islam. Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 233: Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang ingin menyempurnakan penyusuan itu. Menurut Ibnu Kathir (2005), ayat ini merupakan bimbingan dari Allah swt kepada para ibu supaya menyusui anak-anaknya secara sempurna, iaitu selama dua tahun. Selain daripada ayat al-Qur'an, terdapat banyak

hadis Rasulullah SAW yang menceritakan berkenaan penyusuan susu ibu. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang bermaksud: “*Tidak berlaku hukum penyusuan melainkan dengan apa yang menguatkan tulang dan menumbuhkan daging.*” (Abu Daud, Riwayat Abu Daud, Kitab Nikah, Bab fi Rada’ah al-Kabir, no.2059). Oleh itu, ayat al-Quran dan hadis yang disebutkan di atas adalah mengenai kelebihan susu ibu dari sudut kesihatan yang dapat membantu perkembangan mental dan fizikal bayi. Perbincangan penyusuan menurut syarak pula sangat mengambil berat tentang status kemahraman yang berpunca daripada penyusuan apabila menepati syarat-syarat penyusuan yang dapat menjalinkan hubungan mahram.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kes bagi memahami situasi penyusuan anak orang lain oleh masyarakat Kelantan iaitu faktor-faktor yang mendorong dan juga amalan pendokumentasian. Rekabentuk kualitatif digunakan bagi mengumpulkan data manakala persampelan bertujuan dan menggunakan tiga langkah pemilihan kes yang telah disyorkan oleh Robert (2009:150). Pertama, pemilihan kes unik iaitu identitinya telah diketahui sejak awal tanpa memerlukan penyiasatan. Kedua, penyelidik mengetahui kes yang dikaji dengan adanya akses khas yang memudahkan pemilihan kes. Ketiga, penyelidik mengenalpasti kes dengan bertanya kepada pihak yang mempunyai pengetahuan mengenai sampel kajian.

Seterusnya, populasi kajian ini terdiri daripada dua kategori wanita iaitu ibu susuan dan juga ibu yang mengambil khidmat ibu susuan. Pengkaji mengenalpasti kriteria-kriteria peserta kajian seperti berikut: Pertama; beragama Islam, kedua; penyusuan yang diberikan kepada bayi yang berusia bawah dua tahun dan penyusuan melebihi atau sebanyak lima kali penyusuan. Kedua-dua syarat tersebut merupakan syarat yang digariskan oleh syariat Islam bertujuan untuk memahramkan hubungan anak dengan ibu bapa susuannya. Kemudian, pengkaji telah menemubual seramai 14 orang responden bermula 28 Disember 2021 sehingga 22 Mac 2022. Data temubual dirakam dan disalin semula secara verbatim. Data verbatim dianalisis menggunakan bantuan perisian atlas.Ti dan diikuti oleh proses lanjutan iaitu memasuki bahagian pembinaan kod dan diakhiri dengan bahagian pemaparan data dalam bentuk atau jadual, jaringan, peta konsep, carta alir atau rajah bagi memudahkan pembaca untuk meneliti penemuan kajian yang diperolehi (Marzni et al. 2018). Kajian ini telah menggunakan tiga jenis pengekodan iaitu pengekodan umum (*open coding*), pengekodan kelompok (*axial coding*) dan pengekodan terpilih (*selective coding*).

DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Latar belakang para peserta kajian merangkumi nama, umur, bilangan anak susuan atau ibu susuan, tempat kediaman, peringkat pendidikan serta pekerjaan. Data ini diperolehi melalui kaedah temubual separa berstruktur bersama 14 orang peserta kajian. Secara ringkas, perbandingan latar belakang antara peserta-peserta kajian boleh dilihat dalam Jadual 1:

Peserta Kajian	Umur	Bilangan Anak susuan / ibu susuan	Tempat kediaman / jajahan	Peringkat pendidikan	Pekerjaan
PK1	28	1	Bachok	Ijazah Sarjana Muda	Pelajar
PK2	28	1	Kota Bharu	Ijazah Sarjana Muda	Suri Rumah
PK3	32	1	Machang	Ijazah Sarjana Muda	Bekerja Sendiri
PK4	49	2	Kota Bharu	Ijazah Sarjana	Suri Rumah

PK5	40	1	Pasir Puteh	Ijazah Sarjana Muda	Suri Rumah
PK6	41	10 Ibu Susuan	Kota Bharu	Ijazah Sarjana Muda	Pensyarah
PK7	39	3 Anak Susuan, 11 Ibu Susuan	Kota Bharu	Ijazah Sarjana	Pensyarah
PK8	25	1	Rantau Panjang	Ijazah Sarjana Muda	Pelajar
PK9	29	3	Kota Bharu	Ijazah Sarjana Muda	Suri Rumah
PK10	30	1	Melor	Ijazah Sarjana Muda	Suri Rumah
PK11	32	2	Bachok	Ijazah Sarjana Muda	Bekerja sendiri
PK12	30	2	Kota Bharu	Ijazah Sarjana Muda	Suri Rumah
PK13	48	1	Kota Bharu	Ijazah Sarjana	Pegawai Kerajaan
PK14	27	1	Jeli	Diploma	Bekerja sendiri

Secara ringkasnya, ibu susuan yang berada dalam lingkungan umur 20-an adalah seramai 5 orang manakala seramai 5 orang peserta kajian berada dalam julat umur 30-an serta seramai 4 orang peserta kajian yang berumur lingkungan 40-an. Majoriti peserta kajian adalah merupakan suri rumah iaitu seramai 6 orang, 2 orang masih belajar, 3 orang bekerja sendiri, 2 orang pensyarah dan seorang pegawai kerajaan. Seterusnya, 8 orang peserta kajian masing-masing mempunyai seorang anak susuan, 3 orang peserta kajian mempunyai 2 orang anak susuan dan 2 orang peserta kajian mempunyai 3 orang anak susuan. Selain itu, terdapat dua orang peserta kajian yang mengambil khidmat ibu susuan untuk anaknya. Peserta kajian ke-6 telah mendapatkan seramai 10 orang ibu susuan untuk anaknya manakala peserta kajian ke-7 pula mendapatkan seramai 11 orang ibu susuan untuk anaknya.

Faktor Penyusuan Anak Orang Lain

Hasil dari temubual mendalam bersama peserta kajian 1-14, terdapat 2 faktor utama yang mendorong penyusuan anak orang lain iaitu (1) Faktor luaran; (2) Faktor dalaman. Bagi setiap faktor terbahagi pula pada beberapa sub-sub tema yang memperincikan faktor tersebut seperti yang dipaparkan dalam jadual 2.

Bil	Tema	Subtema	PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6	PK 7	PK 8	PK 9	PK 10	PK 11	PK 12	PK 13	PK 14	
1	Faktor Luaran	Ibu tidak mampu memberi susu	-	-	√	√	-	√	√	√	√	√	√	√	-	-	
		Kenalan rapat	√	-	√	-	√	-	-	√	-	-	√	-	-	-	
		Bayi tidak menerima susu formula	-	-	√	√	-	√	√	-	-	-	-	-	-	-	
		Lebihan susu badan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	√	-	√	√	-	-
		Memahamkan anak angkat	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	√	√
		Penyusuan eksklusif	-	√	-	-	√	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
		Cabaran permusafiran	-	√	-	-	-	-	-	-	-	√	-	-	-	-	-
		Permintaan keluarga	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	√	-	-	-	-
		Kemudahan teknologi	-	-	-	-	-	-	√	√	-	-	-	-	-	-	-
		Bayi pramatang	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	√	-	-	-
2	Faktor Dalaman	Menyambung silaturrahim	√	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
		Simpati	-	-	√	-	-	-	-	-	√	-	-	-	√	-	-
		Niat	√	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	

Sukarela	√	√	-	√	-	-	√	-	-	-	-	√	-	-
Sokongan keluarga	√	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	√
Masalah perkahwinan	-	-	-	-	-	-	-	-	√	-	-	-	-	-

Berdasarkan Jadual 2, faktor pertama yang mendorong kepada penyusuan anak orang lain adalah faktor luaran. Secara umumnya, terdapat sebelas faktor luaran yang menjadi dorongan kepada penyusuan anak orang lain. Pengkaji mendapati ibu tidak mampu memberi susu merupakan faktor terbesar yang mendorong peserta kajian terlibat dengan penyusuan anak orang lain diikuti faktor lain iaitu kenalan rapat, bayi tidak menerima susu formula, lebihan susu badan, memahamkan anak angkat, penyusuan eksklusif, cabaran permusafiran pada tempoh yang lama, permintaan keluarga, kemudahan teknologi, bayi pramatang dan menyambung silaturrahim.

Faktor Luaran

Ibu Tidak Mampu Memberi Susu

Berdasarkan dapatan temu bual, seramai sembilan orang peserta kajian menyatakan bahawa ibu bayi tidak mampu memberi susu badan disebabkan pelbagai cabaran. Menurut peserta kajian 3, ibu tidak mampu memberi susu kerana tidak menghasilkan susu badan: *“Baby meragam sebab mok tak dop susu”*. Bagi peserta kajian 4 pula, ibu tidak mampu memberi susu kerana mengalami masalah kesihatan: *“Pada masa tersebut adalah saat kritikal apabila bayi tersebut masuk ke wad dan tidak cukup bekalan susu kerana ibunya ada masalah kesihatan”*.

Faktor ibu tidak mampu memberi susu kepada bayi merupakan faktor terbesar yang mendorong penyusuan anak orang lain. Terdapat kajian-kajian lepas yang menyokong dapatan kajian ini. Penyusuan oleh wanita lain merupakan alternatif paling selamat apabila ibu kandung tidak mampu melakukan tugas untuk menyusu bayinya. Keadaan ini terjadi apabila ibu kandung berhadapan dengan cabaran kesihatan seperti susu ibu sedikit atau menjadi kering, ibu sakit, ibu koma (Siti Rohana 2019), berlaku kematian ibu kandung, menghadapi komplikasi semasa bersalin atau disebabkan oleh perceraian dan enggan menyusukan bayi (Hafize Ozturk 2014; Zilal et al. 2016; Zulkifli 2016; Syalikha Sazili 2017; Fouzia 2018; Siti Fatimah 2019; Abdul Mu’iz 2020).

Kenalan Rapat

Seramai lima orang peserta kajian memberi respon bahawa mereka terlibat dengan penyusuan anak orang lain kerana masing-masing saling mengenali antara satu sama lain. Sebagai contoh, peserta kajian 5 berkata: *“Hok mari mitok susu tu kawe sayo, saem saya, jadi kito pon rapat dengan dio.”*

Oleh itu, peningkatan penyusuan anak orang lain terjadi kerana hubungan sesama keluarga dan kenalan. Perkhidmatan yang dilaksanakan secara sukarela dan tidak melibatkan bayaran kemudian mereka menawarkan diri untuk menyusu menjadikan budaya penyusuan anak orang lain semakin popular (Zilal et al. 2016).

Bayi Tidak Menerima Susu Formula

Berdasarkan dapatan temubual, peserta kajian 3,4,6 dan 7 menjelaskan bahawa berlaku penyusuan anak orang lain kerana bayi tidak menerima susu formula bahkan akan memuntahkannya kembali. Perkara ini menyebabkan ibu kandung perlu mencari inisiatif memberikan susu ibu lain supaya anaknya tidak kelaparan serta mendapat khasiat dari susu ibu. peserta kajian 7 menceritakan pengalaman beliau: *“Doktor akhirnya mendiagnos anak saya dengan masalah alahan kepada protein susu lembu (kemudiannya diagnosis lebih tepat sebagai Food Protein Induced Entrocolitis Syndrom - sejenis alahan yang jarang berlaku) dan hanya boleh menerima susu ibu sahaja.”*

Susu lembu merupakan pengganti kepada susu ibu yang utama. Oleh itu, bayi biasanya terdedah kepada alahan terhadap protein susu lembu. Maka, antara inisiatif yang perlu dilakukan

bagi mencegah perkara ini adalah dengan memberi susu ibu (Alvin 2020). Namun, sekiranya ibu tidak dapat memberikan susu kepada bayinya disebabkan faktor penghalang, dia perlu mencari susu ibu lain agar bayi dapat mendapatkan khasiat dari susu ibu serta memastikan kelangsungan hidup si bayi (Wirda 2019).

Lebih Susu Badan

Dapatan kajian ini dijelaskan oleh peserta kajian 9,11 dan 12. Rata-rata peserta kajian memberi respon bahawa mereka mempunyai susu badan yang banyak yang boleh dikongsikan kepada bayi lain yang memerlukan. Peserta kajian 11 berkata: *“Kebetule masa tu saya ada simpanan stok susu, jadi saya tawar la susu, pahtu dia nak la susu masa tu. Jadi, ayah bayi tu mari ambik lah beberapa kali jugok lah susu hok saya sipe tu maso dia duk di hospital masa baru beranak, masa baru lahir.”*

Berdasarkan dapatan tersebut, penyusuan anak orang lain semakin diterima di dalam masyarakat Melayu kerana salah satu faktornya adalah ibu mempunyai lebih susu badan (Fouzia 2018: Suraya & Mahaizura 2018 : Syakirah 2019: Latifah Abdul Majid et al. 2022).

Memahramkan Anak Angkat

Menurut peserta kajian 13, beliau telah menyusukan anak angkat kepada adik lelaki beliau yang tidak dikurniakan cahaya mata lantas ingin menjadikan bayi tersebut sebagai mahram kepada keluarga besarnya: *“Saya menjadi ibu susuan kepada anak angkat adik lelaki saya bertujuan menjadikan bayi tersebut keluarga dan mahram kepada kami sekeluarga.”*

Pengangkatan anak pada asalnya tidak memberi kesan kepada status mahram sehinggalah berlaku penyusuan oleh ibu angkat. Hubungan mahram yang terjalin membolehkan anak angkat untuk bergaul dengan keluarga angkat sebagai hubungan kekeluargaan tanpa perlu bimbang tentang isu aurat dan pergaulan yang tidak syarie (Zilal Saari et al. 2014: Zanariah 2017: Zaharah 2021).

Penyusuan Eksklusif

Peserta kajian 3 dan 6 apabila masing-masing menyatakan bahawa dorongan untuk menyusukan bayi lain adalah kerana ingin memastikan bayi mendapat penyusuan secara eksklusif: *“Jadi, dorongan saya nya seperti mana saya nak anak saya ni dapat susu ibu full, jadi, gitu jugok anak orang lain pun, selagi boleh, kalu boleh saya menyusukan dia untuk dia dapatkan susu ibu jugok.”*

Siti Fatimah et al. (2020) dan Halimatus Saadiyah et al. (2020) dalam kajiannya menyatakan budaya penyusuan susu ibu bagi bayi lain terus meningkat pada masa kini disebabkan para ibu ingin bayi mendapatkan penyusuan secara eksklusif. Penyusuan susu ibu secara eksklusif adalah apabila bayi diberi susu ibu sahaja tanpa makanan atau minuman lain dalam masa 6 bulan pertama selepas kelahiran. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization) pula mengesyorkan agar penyusuan ini dilakukan sehingga bayi mencapai usia 2 tahun kerana kebaikan penyusuan susu ibu terhadap bayi.

Cabaran Permusafiran Pada Tempoh Yang Lama

Pengkaji telah mendapatkan maklum balas dua orang peserta kajian yang menyatakan bahawa faktor yang membawa mereka untuk menyusukan bayi lain adalah kerana cabaran permusafiran pada tempoh yang lama iaitu ibu kandung bayi menunaikan umrah serta mempunyai urusan kerja. Sebagai contoh, peserta kajian 9 berkata: *“Anak susuan yang pertama ialah anak kakak ipar, dia ada kerja terpaksa tinggal anak kat saya sebab dia ada kerja dalam dua minggu kat KL.”*

Penyusuan anak orang lain menjadi suatu keperluan atau *hajat* iaitu sekiranya tidak dilaksanakan akan menjadi kesukaran hidup seperti bayi tidak menerima susu botol dan hanya

menerima susu ibu sedangkan ibu perlu keluar bekerja. Oleh itu, situasi ini memerlukan seorang wanita lain yang menyusukan bayi tersebut (Siti Fatimah 2019).

Permintaan Keluarga

Penyusuan anak orang lain turut berlaku kerana permintaan daripada ahli keluarga. Perkara ini telah diakui oleh peserta kajian 10 apabila ibu kepada bayi susuannya yang merupakan anak saudaranya disahkan positif covid-19 sewaktu melahirkan bayi kemudian beliau terpaksa diasingkan daripada bayinya. Dalam waktu yang sama, bapa kepada bayi berkenaan juga positif covid-19 seterusnya meminta keizinan daripada adiknya untuk menjaga serta menyusukan bayi tersebut. Berikut merupakan maklum balas daripada peserta kajian 10: *“Disebabkan saya pun menyusukan anak saya sendiri, so saya ambik ikhtiar untuk antibodi tubuh dia apa semua kan sebab dia baru je keluar daripada ibu yang positif covid so saya bagi susu badanlah dan diizinkanlah maksudnya parents dia pun mintak keizinan sayalah untuk susu badan saya.”*

Kebajikan seseorang anak terutamanya yang berkaitan dengan urusan penyusuan perlulah mempunyai perbincangan dua hala serta persetujuan bersama di antara pasangan suami isteri. Malah keputusan pengambilan ibu susuan dari sebelah pihak sahaja adalah tidak menepati *maqasid* perkahwinan itu sendiri yang sangat mementingkan toleransi serta perbincangan bersama antara pasangan suami isteri (Marini Mohd Yusoff 2022). JAKIM (2011) pula mengeluarkan kenyataan iaitu ibu-ibu yang menderma susu kepada bayi-bayi yang memerlukan adalah perlu mengenali antara satu sama lain.

Kemudahan Teknologi

Para ibu kini berpeluang mencari ibu susuan di laman sosial seperti facebook dan juga melakukan proses penghantaran susu ibu melalui khidmat kurier seperti bas ekspres atau pihak ibu sendiri yang mengambilnya di rumah penderma susu. Menurut peserta kajian 7: *“Ramai ibu-ibu dari negeri-negeri lain yang mendermakan susu untuk bayi tersebut dengan cara menghantar melalui khidmat kurier dengan bas ekspres.”*

Seiring dengan peredaran zaman yang menyaksikan perkembangan teknologi telah memudahkan urusan manusia dalam pelbagai aspek. Sebahagian ibu susuan yang mempunyai lebihan susu menggunakan kaedah perahan susu kemudian susu tersebut dijadikan stok simpanan sebelum diberikan kepada bayi yang memerlukan. Mereka menggunakan pelbagai cara untuk menyerahkan susu antaranya melalui khidmat hantaran pos dan juga menggunakan pengangkutan awam seperti bas (Halimatus Saadiah et al. 2019; Amirah Huwaina 2020).

Bayi Prematang

Hasil analisis mendapati kelahiran bayi pramatang menjadi pendorong kepada penyusuan anak orang lain. Peserta kajian 11 menceritakan bahawa bayi yang disusukan tersebut lahir dalam keadaan pramatang dan sangat memerlukan susu ibu. Berikut merupakan penjelasan beliau: *“Yang pertama skali Yusof, dia ni dilahirkan dalam keadaan pramatang tok cukup bule, 7 bule ataupun 8 bule ggitu, masa dia lahir tu ibu dia tak keluar susu lagi.”*

Budaya penyusuan susu ibu bagi bayi orang lain terus meningkat pada masa kini. Ini disebabkan beberapa faktor iaitu ibu yang menghidap penyakit, tidak cukup masa, bersalin tanpa susu, mengambil anak angkat, kelahiran pramatang, kematian ibu selepas bersalin, penyusuan susu ibu secara eksklusif dan sebagainya. Oleh itu, bagi menyelesaikan masalah tersebut, bayi harus disusui oleh ibu lain (Syakirah 2019; Siti Fatimah et al. 2020). Susu ibu merupakan susu terbaik bagi bayi pramatang. Selain dapat membekalkan nutrisi yang diperlukan untuk pertumbuhan, susu ibu juga mengandungi pelbagai jenis faktor pertahanan yang dapat mencegah bayi pramatang daripada jangkitan kuman (Leong 2015).

Menyambung Silaturrahim

Apabila seorang ibu membuat keputusan untuk memberikan susu badannya kepada bayi lain, maka hubungan kekeluargaan menjadi semakin berkembang dan melibatkan orang asing yang tiada pertalian darah menjadi sebahagian daripada keluarga terdekat. Perkara ini diakui sendiri oleh peserta kajian 1 dalam hasil temubual seperti berikut: *“Salah satu cara menyambung silaturrahim hok berterusan, saya rasa gitu la.”*

Penyusuan anak orang lain ini adalah satu usaha yang sangat terpuji serta dianjurkan oleh Islam kerana dapat mewujudkan ikatan silaturrahim serta menjadikan bayi tersebut sebagai mahram. Menurut Isam al-Zuhdi, perkara yang paling penting kesan daripada penyusuan ialah memenuhi hak Islam dan iman. Beliau menambah lagi bahawa semua orang Islam dan beriman kepada Allah adalah bersaudara. Oleh yang demikian, dengan melaksanakan proses penyusuan anak orang lain ini menimbulkan sikap tolong menolong, merapatkan silaturrahim, saling memenuhi hajat antara seorang saudara dengan saudara yang lain. Inilah hikmah terbesar kenapa Islam menggalakkan pengamalan ibu susuan (Normadiah Daud et al. 2015).

Faktor Dalaman

Faktor penyusuan anak orang lain yang kedua adalah faktor dalaman. Faktor dalaman merujuk kepada faktor yang melibatkan individu itu sendiri dan terbahagi kepada lima bahagian yang lebih terperinci iaitu simpati, niat, sukarela, sokongan daripada keluarga atau orang sekeliling dan masalah perkahwinan. Pengkaji mendapati faktor dalaman ini menjadi pendorong utama kepada penyusuan anak orang lain.

Simpati

Analisis temu bual bersama peserta kajian mendapati bahawa perasaan simpati menjadi pendorong yang kuat untuk menyusui anak orang lain. Ini dapat dibuktikan dengan penjelasan peserta kajian 12: *“Saya bagi atas dasar nak tolong dia lah, sebab memang sangat-sangat kasihan mak dia koma sehingga hari ini mak dia koma, jadi, naluri seorang ibu, kita nak bantu, lagi pun dia memerlukan susu ibu dalam keadaan dia selepas lahir tu, dia memerlukan susu ibu, dia tak cukup dengan susu formula.”*

Terdapat para wanita yang sanggup menyusukan anak orang lain yang tiada kena mengena dengan mereka. Mereka mempunyai tujuan-tujuan tertentu seperti ingin menambah pendapatan, rasa kasihan kepada bayi tersebut dan sebagainya (Normadiah et al. 2012 : Normadiah & Zuliza 2014; Zilal Saari 2015).

Niat

Seorang peserta kajian telah berkongsi pengalaman beliau yang mempunyai cabaran untuk mendapatkan cahaya mata. peserta kajian 1 mempunyai seorang anak lelaki selepas mengalami keguguran pada kali pertama. Kemudian, beliau berniat untuk menyusukan anak orang lain kerana keinginan yang kuat untuk berkongsi susu dengan bayi lain. Akhirnya, beliau berjaya menyusukan anak perempuan kepada kenalan rapatnya sendiri. Berikut merupakan respon peserta kajian: *“Saya ni sebelum saya kawin lagi saya oyak ‘aku nok anak ramai’, tapi Allah takdirkan saya ada masalah sikit, pahtu saya ngandung ko umar, ok, pahtu sapa lani pon saya mace takpo lah kalu Allah nak bagi, Allah bagi, dale masa yang sama saya pon tak putuskan harapan saya untuk bagi lah kalu ore offer ssayo, saya akan berbesar hati, hok tu je lah saya boleh oyak.”*

Zilal Saari (2015) dalam satu hasil kajian tesis nya menyatakan bahawa faktor penyusuan anak angkat adalah kerana mempunyai matlamat kemanusiaan dalam bentuk psikologi iaitu kasih sayang dan naluri keibuan seorang wanita yang menginginkan zuriat menjadi penyebab mereka mengambil anak angkat.

Sukarela

Para ibu susuan secara sukarela untuk menyusukan bayi lain atau berkongsi susu tanpa memikirkan berkenaan upah. Secara keseluruhannya, semua peserta menyusukan bayi orang lain tanpa mengenakan sebarang upah. Sebagai contoh, peserta kajian 2 berkata: *“Mak dia tu mitop tolong jadi mestilah kita akan menolong kei, gitu je lah,sekadar nak tolong ore.”*

Amalan penyusuan anak orang lain juga adalah satu perbuatan yang terpuji kerana dapat membantu orang lain yang memerlukan. Perbuatan ini selari dengan ajaran Islam sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran “Dan tolong-menolong lah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan takwa” (Al-Maidah:2).

Sokongan Daripada Keluarga Atau Orang Sekeliling

Analisis temu bual bersama peserta kajian menunjukkan bahawa sokongan daripada ibu bapa, pasangan dan kawan-kawan menjadi faktor untuk menyusukan anak orang lain. Peserta kajian 1 mengakui bahawa beliau mendapat sokongan daripada keluarga: *“Saya jadi mace napok abah ngan umi saya sangat supportive la untuk ni, setakat ni family saya takdop la hok menimbulkan isu ‘bakpo nyusu bakpo nyusu’, haa takdop, semo mace teruja bila saya oyak ni anak susu saya ni.”*

Suami, keluarga, rakan, tempat kerja, kumpulan sokongan merupakan sistem sokongan kepada ibu yang menyusukan anak angkat (Zilal 2015). Sokongan ini membantu mewujudkan persekitaran yang boleh memperkasakan golongan ibu untuk menyusukan anak secara optimum sehingga mampu memberi impak lebih besar dalam membudayakan amalan penyusuan susu ibu di negara ini (Luqman Arif 2019 : Dhamirah Nursakinah et al. 2019).

Masalah Perkahwinan

Masalah perkahwinan membawa kesan yang kurang baik kepada aktiviti penyusuan sehinggalah ibu atau bapa perlu mencari wanita lain untuk menyusukan bayi. Perkara ini telah dinyatakan oleh peserta kajian: *“Anak susuan ketiga ialah anak abang yang mana dia dalam proses perpisahan dengan isteri dia.”*

Sebahagian besar ulama berpandangan bahawa ibu tidak wajib menyusukan bayinya, namun penyusuan tersebut bertukar menjadi wajib dalam tiga keadaan. Pertama, tidak ada seorang pun yang sesuai untuk menyusukan bayi itu selain ibu kandungnya. Kedua, bayi tidak mahu menyusu dengan wanita lain. Ketiga, sekiranya bapa tidak berkemampuan mengupah wanita lain untuk menyusukan anaknya. Dalam ketiga-tiga keadaan tersebut, bayi berhak mendapat susu daripada ibunya (al-Sartawi 2010; al-Zuhaili 2013; al-Khin 2016; Badran 1987). Maka, jelaslah bahawa Islam telah mewajibkan agar ibu-ibu menyusukan anaknya dalam tiga keadaan yang telah disebutkan di atas. Oleh itu, selain situasi tersebut, para ibu mempunyai hak untuk meminta orang lain menyusukan anaknya atau mahu menyusukan anaknya walaupun telah bercerai. Islam telah memberikan kelonggaran kepada para ibu yang tidak dapat menyusukan anaknya disebabkan dia telah diceraikan oleh suaminya atau bekas suami mahu membayar upah menyusu yang dimintanya atau kerana sebab-sebab yang lain. Maka, Allah swt telah memberikan peluang mencari pengganti ibu untuk menyusukan anak melalui wanita yang diberikan upah untuk menyusukan bayi tersebut (Normadiyah Daud et al 2012).

Amalan Pendokumentasian

Analisis data temubual mendapati terdapat 5 kaedah utama yang dilakukan oleh peserta kajian untuk merekodkan maklumat susuan iaitu (1) membuat catatan & simpan dokumen; (2) menyimpan gambar; (3) penyampaian secara lisan; (4) sentiasa berhubung; (5) sekadar ingatan.

Bil	Tema	Subtema	PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6	PK 7	PK 8	PK 9	PK 10	PK 11	PK 12	PK 13	PK 14	
1	Amalan pendokumentasian	Catatan & simpan dokumen	-	-	√	-	-	√	√	√	-	-	-	√	-	-	
		Simpan gambar	-	√	-	-	-	-	-	√	-	-	√	-	-	-	√
		Penyampaian secara lisan	√	-	-	-	-	-	-	-	√	√	-	-	√	√	-
		Sentiasa berhubung	-	-	-	-	-	-	√	-	-	-	-	√	√	-	-
		Sekadar ingatan	-	-	-	√	√	-	-	-	-	-	-	-	-	-	

Berdasarkan jadual 3, dua amalan pendokumentasian utama yang menjadi kebiasaan para peserta kajian ialah (1) melakukan catatan & simpanan dokumen; (2) Penyampaian secara lisan diikuti tiga amalan lain iaitu menyimpan gambar, sentiasa berhubung dan sekadar ingatan.

Catatan & simpan dokumen

Berdasarkan dapatan temu bual, peserta kajian 3,6,7,8 dan 12 melakukan catatan dan menyimpan dokumen penting. Sebagai contoh, peserta kajian 3 berkata: *“Setakat ni secara rekodnya, ada tulis tapi tiadalah secara rasmi tuh, tulis nama ibu kandung, anak susuan, ic ibu dan surat beranak baby serta maklumat ayah baby jugak.”*

Dalam konteks penyusuan, terdapat kaedah asas yang telah ditetapkan oleh syarak untuk membuktikan hubungan antara ibu serta anak orang lain yang disusukan olehnya. Penyusuan merupakan perkara penting kerana melibatkan hubungan mahram (Zaidan 1993). Justeru, pengakuan dan juga penyaksian adalah kaedah asas untuk membuktikan hubungan mahram susuan (al-Zuhaili 1997). Selain pengakuan dan penyaksian, wujud kaedah lain yang boleh digunakan bagi menyimpan bukti penyusuan iaitu dengan melakukan dokumentasi dalam bentuk catatan. Dokumentasi dalam bentuk catatan antara ibu susuan dan anak susuan perlu dilaksanakan bagi memenuhi kaedah fiqh iaitu *saddu al-zara’ie* (Halimatus Saadiah et al. 2020).

Menyimpan gambar

Peserta kajian 2,8,11 & 14 menyimpan gambar bayi selepas selesai melakukan penyusuan anak orang lain. Menurut peserta kajian 2, menyimpan gambar bayi adalah kaedah yang digunakan untuk merekodkan bukti penyusuan: *“Setakat ni untuk merekod dan menyimpan bukti penyusuan ni takdop la secara detail sangat, cumanya kitore ada ambik gambar dan bukti tu takde la bukti cuma sekadar ingat-ingat gitu lah.”*

Oleh itu, gambar tersebut akan disimpan dan ditunjukkan kepada anak-anak kandung supaya mereka saling mengenali. Walaubagaimanapun, menyimpan gambar bayi sahaja masih belum cukup untuk seseorang ibu susuan membuktikan pertalian mahram yang terjalin dengan bayi susuannya melainkan turut disertakan catatan dan juga dokumen-dokumen yang lain.

Penyampaian secara lisan

Pendokumentasian anak susuan juga dilakukan melalui penyampaian secara lisan kepada ibu bapa serta keluarga. Peserta kajian 10 menyatakan bahawa: *“Setakat ni takde rekod secara bertulis ke apa lagi lah dan since anak saudara saya yang jadi anak susuan tu, so, kira macam kita masing-masing tahu macam tu je lah kita tak de buat surat hitam putih ke apa tak de lah.”*

Kaedah penyampaian secara lisan dilakukan agar ahli keluarga dapat menyebarkan pula kepada sesama ahli keluarga yang lain secara berterusan berkenaan hubungan penyusuan ini.

Walau bagaimanapun, kaedah penyampaian secara lisan ini sangat membimbangkan kerana perkhabarannya yang kurang jelas dan kukuh tanpa membuktikan pendokumentasian tersebut serta terdedah kepada kesilapan dan ketidakpastian maklumat (Dhamirah Nursakinah et al. 2019).

Sentiasa berhubung

Peserta kajian dan mereka yang terlibat dengan penyusuan anak orang lain dalam kajian ini saling mengenali antara satu sama lain apabila masing-masing sentiasa berhubung dan mempunyai platform khusus seperti kumpulan di aplikasi *whatsapp* untuk mengirim sebarang mesej dan juga berkongsi gambar. Perkara ini diakui oleh peserta kajian 6: *“Kitorang memang ada grup lah, grup khas, group wasap sebagai menyambung silaturrahim lah.”*

Hubungan antara keluarga susuan dari pihak ibu dan anak susuan dapat dipelihara apabila masing-masing mengambil langkah untuk sentiasa berhubung antara satu sama lain bagi memastikan hubungan tidak terputus di samping mengeratkan silaturrahim (Hidayah Mohammad 2018).

Sekadar ingatan tanpa catatan

Dalam kajian ini, peserta kajian 4 dan 5 sekadar mengingati hubungan penyusuan tanpa membuat sebarang catatan. Sebagai contoh, peserta kajian 4 memberitahu: *“Saya tidak ada sebarang rekod penyusuan sekadar, tidak ada rekod bertulis sekadar ingatan, sekadar apa yang dalam ingatan sahaja.”*

Sebenarnya, kaedah ingatan tanpa catatan adalah sangat membimbangkan kerana kemungkinan untuk berlaku situasi kecelaruan mahram susuan pada masa akan datang tentang hubungan mahram susuan yang telah terjalin adalah sangat tinggi. Tambahan lagi, kaedah ingatan tentang penyusuan hanya melibatkan individu yang terlibat sahaja iaitu ibu susuan. Apabila berlaku kes kematian, perkara ini menjadi satu cabaran kerana orang lain tidak dapat mengetahui mengenai hubungan penyusuan ini. Secara keseluruhannya, amalan-amalan pendokumentasian di atas merupakan kaedah yang dilakukan oleh para peserta kajian secara tidak rasmi dan secara peribadi tanpa melibatkan pihak berkuasa.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan di atas, dapat dirumuskan bahawa kepelbagaian faktor yang mendorong penyusuan anak orang lain hari ini menjadikan amalan ini semakin meningkat dari semasa ke semasa. Masyarakat Kelantan semakin cakna terhadap kelebihan yang terdapat di dalam susu ibu sehingga sanggup berkongsi susu kepada bayi yang memerlukan begitu juga dari pihak ibu bayi sanggup mendapatkan ibu susuan kepada anaknya agar bayi memperoleh khasiat dari susu ibu secukupnya bagi proses tumbesaran fizikal dan mental yang baik. Catatan dan bukti penyusuan juga adalah suatu perkara mustahak yang perlu dilaksanakan oleh setiap individu yang terlibat dengan penyusuan anak orang lain agar masing-masing dapat mengetahui status mahram yang terjalin seterusnya mengelakkan perkara yang diharamkan seperti terjadinya perkahwinan antara mahram susuan. Justeru, dapatan kajian ini memberi suatu gambaran yang jelas kepada pihak berwajib terutamanya di negeri Kelantan mengenai situasi penyusuan anak orang lain yang berlaku di negeri ini. Oleh itu, situasi ini memerlukan satu sistem pengurusan bagi mengumpulkan data rasmi keluarga susuan demi memelihara kemaslahatan umum masyarakat Islam iaitu penjagaan nasab keluarga Islam.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abd al-Rahman al-Jaziri. 2003. *Kitab al-Fiqh 'ala Mazhab al-Arba'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Abd al-Karim Zaidan. 1993. *al-Mufasssal fi ahkam al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Abdul Mu'iz Mohd Tamyas. 2020. *Pelaksanaan kad radha'ah sebagai alternatif penjagaan nasab keturunan dan anak susuan oleh Jabatan Agama Islam Selangor*. Jurnal Undang-undang Malaysia (32(2): 195-222.

al-Ghazi, Muhammad bin Qasim. 2005. *Fathu al-Qarib al-Mujib fi Syarh alfaz at Taqrib*. Batu Caves: Al-Hidayah

Wizarah al-Awqof & Al-Islamiyah. 1992. *Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah*. Kuwait: zat al-Salail.

Alvin Khiah Kim Mun. 2020. *Alahan protein susu lembu*. <http://www.myhealth.gov.my/alahan-protein-susu-lembu/> [10 Ogos 2021].

Amirah Huwaina Binti Hazani. 2021. *Kefahaman hukum hakam penyusuan dan amalan ibu susuan di daerah Hulu Langat, Selangor serta kepentingan dokumentasi*. At-Tahkim 10(26): 1-6.

Anhar Opir, Z. 2017. *Pengangkatan anak serta implikasinya terhadap nasab, hadanah, nafkah dan pusaka dalam undang-undang keluarga Islam*. Jurnal Perspektif 1(1): 101-115.

Dhamirah Nursakinah, Mohamad Safir, Siti Fatimah, Salleh & Halimatus Saadiah, Mohamad Safir. 2019. *Keperluan dokumentasi penyusuan anak susuan dalam kalangan masyarakat di Malaysia*. Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management, hlm. 321-332.

Dhamirah Nursakinah, Mohamad Safir, Halimatus Saadiah, Mohamad Safir & Siti Fatimah, Salleh. 2019. *Intervensi pengurusan dokumentasi anak susuan ke arah mewujudkan masyarakat sejahtera*. International Social Science and Humanities Journal 2(4): 47-53.

Fouzia Abdul Aziz. 2018. *Non-maternal nursing in the muslim community: a health perspective review*. Journal of Clinical Neonatology 7(4): 191-198.

Hafize Ozturk Can, Yesim Yesil, Aysun Eksioglu, E. C. T. 2014. *Women's views on wet nursing and milk sibblinghood: an example from Turkey*. Breastfeeding Medicine 9(10): 559-560.

Halimatus Saadiah, M.S., Dhamirah Nursakinah, M.S.& Siti Fatimah, S. 2019. *Realiti penyusuan anak susuan pada zaman silam dan kontemporari: kajian tinjauan*. International Social Science and Humanities Journal 2(2): 48-56.

Halimatus Saadiah, M.S., Dhamirah Nursakinah, M.S.& Siti Fatimah, S. 2020. *Pengendalian dokumentasi anak susuan dalam kalangan ibu susuan*. Malaysian Journal for Islamic Studies 4(2): 67-77.

Hidayah Mohammad. 2018. *Pangkalan data ibu dan anak susuan*. Berita Harian Online, 16 September. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2018/09/474295/pangkalan-data-ibu-dan-anak-susuan> [31 Julai 2021].

JAKIM 2011. *Hukum penubuhan bank susu*. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10287> [10 Ogos 2021].

Latifah Abdul Majid, Nurhidayah Muhammad Hashim, Salasiah Hanim Hamjah, Zuliza Mohd Kusrin, Rafeah Saidon, N. C. A. R. & N. B. 2022. *Wet-nursing practice in the Malay society according to islamic perspective: a cross-sectional study*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 12(1): 661-677.

Leong Jen Jen. 2015. *Nutrisi bayi pramatang*. <http://www.myhealth.gov.my/nutrisi-bayi-pramatang/> [30 Jun 2022].

- Luqman Arif. 2019. *Penyusuan susu ibu perlu rantaian sokongan*. Berita Harian Online, 1 Ogos. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/591260/penyusuan-susu-ibu-perlu-rantaian-sokongan> [10 November 2021].
- Marini Mohd Yusoff. 2022. *Tahap Kefahaman Masyarakat Tentang Hukum Hakam Penyusuan Oleh Ibu Susuan dan Penerimaan Terhadap Amalan Penyusuan oleh Ibu Susuan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marzni, Mokhtar, Rohizani, Yaakub, Fadzilah, Amzah, & Marni, Jamil. 2018. *Analisis tematik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PDPC) proses penulisan karangan argumentatif berasaskan KBAT: pemahaman dan amalan pedagogi guru bahasa Melayu tingkatan empat*. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan (MEDC), hlm. 69-84.
- NorKamariah. 2012. *Ibu susuan*. <https://vimeo.com/35834830> [6 Oktober 2021].
- Normadiah binti Daud, Z. M. K. 2014. *Penyusuan susu ibu: prinsip, hak dan kewajipannya menurut perspektif Islam*. Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS 1: 155-173.
- Normadiah Daud, Zuliza, Kusrin, Salasiah, H.H. & Anwar, F.O. 2012. *Penyusuan dan bank susu menurut Islam*. Islamiyyat 34: 107-118.
- Normadiah Daud. 2015. *Penyusuan susu ibu dan hubungan sosial dalam al-quran: satu analisis*. Proceedings of the International Seminar on al-Quran in Contemporary Society, hlm. 475-484.
- Robert, K.Y. 2009. *Case Study Research*. Edisi ke-4. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Rohani Abdul Karim. 2015. *Teks Ucapan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*, 27 Jun, Menara Great Eastern, Kuala Lumpur.
- Saari, Z. & Yusof, M. 2014. *Penyusuan anak angkat: satu analisis*. Persidangan Antarabangsa Kekeluargaan Dari Perspektif Global 2014 (ICFI 2014), hlm. 1-20.
- Siti Fatimah. 2019. *Pengambilan dan dokumentasi anak susuan: realiti dan keperluan*. <https://youtu.be/y8i4gqFEJlc> [1 Januari 2022].
- Siti Fatimah, Salleh, Solehuddin, Zakaria, Lukman, Abdul Mutalib, Rogayah, Saeed, Salameh, Alqaraleh & Dhamirah Nursakinah, Mohamad Safir. 2020. *Shariah-compliant of nursing child documentation model building*. PalArch's Journal of Archaeology of Egypt 17(9): 3040-3048.
- Siti Rohana, I. 2019. *Farah Hanis ada lima "ibu."* Berita Harian Online, 25 Ogos. www.bhplus.com.my/berita/nasional/2019/08/599983/farah-hanis-ada-lima-ibu. [5 Jun 2021].
- Suraya Roslan, M. A. M. 2018. *Janji niat kami baik*. Harian Metro Online, 2 Mac.
- Syakirah Zahar, Zilal Saari, Farahwahida Mohd Yusoff, S. M. A. 2019. *Shariah compliance human milk sharing online application*. International Journal of Islamic and Civilizational Studies 6: 99-110.
- Syalikha Sazili. 2017. *Tawar diri jadi ibu susuan*. Berita Harian Online, 15 Ogos. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2017/08/312529/tawar-diri-jadi-ibu-susuan> [31 Julai 2021].
- Virginia Thorley. 2009. *Mothers' experiences of sharing breastfeeding or breastmilk: co-feeding in Australia 1978-2008*. Breastfeeding Review: Professional Publication of the Australian Breastfeeding Association 17(1): 9-18.
- Wahbah al-Zuhaili. 1997. *al-Fiqh al-Islam wa Adillatuhu*. Jakarta: Gema Insani.
- Wilayah Persekutuan. *Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984*. (Akta 303).
- Wirda Amirotul Hamidah. 2019. *Implementasi radha'ah perspektif teori masalah*. Tesis Sarjana, Universiti Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim.

- World Health Organization. 2022. *Breastfeeding*. <https://www.who.int/westernpacific/health-topics/breastfeeding> [4 Ogos 2021].
- Zaharah Sulaiman, Tengku Alina Tengku Ismail, N. M. 2021. *Induced lactation case report: The journey to attain mahram relationship*. *Bangladesh Journal of Medical Science* 20(04): 918-922.
- Zilal, S., Farahwahida, M. Y., Arieff, S. R., Tamar, J. N., Siti Norlina, M. & Shahrel Ahmad, S. A. 2016. *Wet nursing: A historical review and its ideal characteristics*. *PERINTIS e-Journal* 6(1): 1-13.
- Zilal Saari. 2015. *Model garis panduan penyusuan anak angkat menurut perspektif fiqh dan sains*. Tesis Dr. Fal., Universiti Teknologi Malaysia.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2016. *Isu berkenaan ibu susuan & pelbagai hukum (kad atau sijil susuan)*. <https://muftiwp.gov.my/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/1138-bayan-linnas-siri-70-isu-berkenaan-ibu-susuan-pelbagai-hukum-kad-atau-sijil-susuan> [6 Jun 2021].